



## MAHKAMAH SYARIAH DARI ABAD KE ABAD\*

### Shariah Courts from Century to Century

Abdul Monir Yaacob<sup>1</sup>

#### ABSTRACT

*This is a brief glance at the development of the Shariah Court, originally known as the Kadi Court, throughout the Malay states. The research concentrates on the period of British colonisation and the period following the country's independence. This study takes a qualitative approach by referencing published documents. The elements, as well as document comparisons, were thoroughly analysed. Interviews with people in positions of authority were also conducted in order to gather more data. The study focuses on numerous features of the Shariah Court, including the Sultan's power to appoint Kadi/Judges, the status of Kadi, Court buildings, Court jurisdiction, conflict of jurisdiction, Article 121 (1A) Federal Constitution, and some Shariah Court-related concerns. There are some things that have not been investigated and recorded in the description of the given with great care, but have been examined reasonably extensively. This study would help to reorganise materials on the Shariah Court that have been scattered across several publications into a single publication for the benefit of those interested in learning more about the Shariah*

\* Artikel ini diterbitkan khas sempena sambutan 40 tahun Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Penulis merupakan Mantan Felo Penyelidik Kanan di Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: 5 Julai 2009 - 16 November 2011.

<sup>1</sup> YH. Prof. Dato' Dr. Abdul Monir Yaacob is a Council Member, Pahang Islamic Religious Council and Malay Customs.

*Court, particularly academics and researchers in the field of Islamic jurisprudence.*

**Keywords:** *Sultan, Kadi, court, constitution, enactment, status, jurisdiction, conflict, Article 121(1A)*

## PENDAHULUAN

Menegakkan keadilan adalah suatu kewajiban dan kemestian dan menjadi tuntutan syarak dan tanggungjawab pemerintah melaksanakannya. Kewajiban ini dinaskan secara jelas dalam al-Quran:

وَإِذَا حَكَّمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

“...apabila kamu menjalankan hukum antara manusia (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil.”

(Surah al-Nisā’, 4: 58)

Keadilan yang dituntut oleh Islam bukan setakat ditegakkan dalam kalangan orang Islam sahaja, bahkan hendaklah meliputi manusia sejagat, di semua peringkat tanpa mengira ras dan darjat kedudukan termasuk khalifah yang memerintah. Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud keadilan hendaklah ditegakkan walaupun ke atas anak sendiri.

Dalam sistem pemerintahan sesebuah negara terdapat tiga organ utama yang mempunyai fungsi dan tugas tersendiri iaitu eksekutif, legaslatif dan Kehakiman atau Mahkamah. Dalam negara kita Malaysia terdapat tiga bentuk Mahkamah iaitu Mahkamah Sivil, Mahkamah Syariah dan di-Malaysia timur terdapat pula Mahkamah Anak Negeri. Ia tidak berlaku di negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu. Mahkamah Syariah dan Mahkamah Anak Negeri adalah dalam kategori Mahkamah Khas kerana ia tidak terletak dalam hierarki Mahkamah biasa Mahkamah-mahkamah Khas ini juga menjadi khas kerana keunikannya dalam sistem Perundangan kita.<sup>2</sup>

Mahkamah Sivil terbahagi kepada dua ia itu Mahkamah Tinggi yang terdiri daripada Mahkamah-mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak Terdapat juga Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Perinciannya ada diperuntukan dan Perlembagaan Persekutuan. Satu peringkat lagi adalah Mahkamah Rendah yang terdiri daripada Mahkamah Majistret

<sup>2</sup> Noor Aziah Mohd Awal, *Pengantar Kepada Sistem Perundangan di Malaysia* (Petaling Jaya: International Law Book Services, 2004), 171.

dan Mahkamah Syesen, yang dikawal oleh Akta Mahkamah Rendah, 1948. Disamping itu terdapat pula Mahkamah Penghulu dimana Penghulu diberi kuasa mengadakan sidang mahkamah dan ini termasuk juga Penggawa, Penolong Penggawa dan Penolong Penghulu (Seksyen 2 Akta). Struktur Mahkamah Syariah pula terdiri daripada Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah. Mahkamah-mahkamah tersebut adalah bertaraf mahkamah negeri. Mahkamah Syariah adalah dalam kategori Mahkamah Khas mempunyai kuasa dan bidang kuasa yang terbatas tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan dan Akta yang berkenaan. Mahkamah tersebut di tubuhkan dibawah Undang-undang Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri atau Enakmen Mahkamah Syariah negeri berkenaan.

Status Mahkamah Syariah dalam era pemerintahan Inggeris di Tanah Melayu lebih rendah dari Mahkamah Majistret dari semua aspek. Bahkan ada masanya memerlukan campurtangan mahkamah Majistret untuk menguatkuasakan perintahnya apabila tidak dipatuhi. Keadaan ini berlaku kerana pada ketika itu Mahkamah Kadi berada dalam struktur Mahkamah yang sama. Susunan Mahkamah Syariah/Mahkamah Kadi berada di bawah Mahkamah Majistret. Apabila dikuatkuasa Ordinan Mahkamah 1948, Mahkamah Syariah dipisahkan dari struktur Mahkamah Persekutuan dan menjadi mahkamah negeri. Apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan Perlembagaan Persekutuan mengadakan peruntukan bagi penubuhan Mahkamah Sivil, manakala penubuhan Mahkamah Syariah diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri atau Enakmen Mahkamah Syariah negeri berkenaan. Kertas ini juga akan menyingkap semula beberapa perkara yang masih belum diambil tindakan sepenuhnya atau cadangan yang masih belum dilaksanakan oleh pihak berkenaan seperti cadangan meletakkan Penubuhan Mahkamah Syariah dalam Perlembagaan Negeri, rancangan Gunasama pegawai Syariah, penubuhan Akademi Latihan Pegawai Syariah oleh kerajaan persekutuan dan pindaan Akta 355.

## LATARBELAKANG

Inggeris telah campurtangan dalam urusan pentadbiran negeri-negeri Melayu dengan memberi pelbagai alasan. Pihak istana pula memberi isyarat setuju atas alasan tersendiri. Ketika itu perhubungan antara Raja dengan pembesar-pembesar tempatan bermasalah dan kurang erat dan berlaku persaingan bagi meningkatkan atau mendapatkan kuasa atas sesuatu wilayah.<sup>3</sup> Perjanjian

---

<sup>3</sup> Muhammad Kamil Awang, *Sultan & Perlembagaan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001), 1 & 20.

Pangkor 1874 telah membuka lembaran baru campur tangan Inggeris di negeri-negeri Melayu bermula atas asas kepercayaan Raja bahawa suatu perikatan dengan pihak Inggeris sahaja dapat memperkukuhkan kerajaan baginda. Bermula dengan negeri Perak bagi memperkukuhkan kedudukan sebagai raja memerintah negeri dan wilayah-wilayahnya. Di antara kandungan perjanjian tersebut adalah penerimaan pegawai Inggeris sebagai Residen oleh Sultan Perak dan Sultan hendaklah menerima nasihat daripada Residen itu. Perjanjian yang sama telah diikuti oleh beberapa negeri lain seperti Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan, yang kemudiannya membentuk Negeri-negeri Melayu Bersekutu.<sup>4</sup> Selepas itu negeri-negeri Melayu selainnya seperti Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor telah menerima pegawai Inggeris sebagai Penasihat. Negeri-negeri tersebut kemudiannya telah dikenali dengan nama Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu. Bagaimanapun campurtangan Inggeris tidaklah menyentuh mengenai hal ehwal agama Islam dan adat Melayu. Kedudukan Raja sebagai Raja yang berdaulat tidak terjejas. Kedudukan ini diputuskan dalam kes *Mighell lwn Sultan Johor* (1894) 1 QB. 149, kes *Duff Development Co. lwn State of Kelantan* dan dalam kes *Pahang Consolidated Co. Ltd lwn Sultan of Pahang* (1933) 2 MLJ. 237. Mahkamah memutuskan bahawa walaupun Sultan mengikat dirinya dengan persetiaan, Baginda tetap menjadi Raja sebuah negeri yang merdeka. Menurut Muhammad Kamil Awang.<sup>5</sup> Berdasarkan analisis pentafsir undang-undang Perlembagaan, negeri-negeri Melayu selepas tahun 1874 ialah negeri nauangan dengan Great Britain sebagai kuasa pelindung. Negeri-negeri Melayu adalah negeri asing yang bebas dan Raja-raja Melayu merupakan Raja berdaulat yang bebas.

Kesultanan Melayu Melaka merupakan pemerintahan yang berdaulat pertama di Tanah Melayu yang mengadakan undang-undang yang lengkap bagi pentadbiran sesebuah negeri pada zaman itu. Dalam Hukum Kanun Melaka beberapa jawatan utama pemerintahan telah diwujudkan termasuk jawatan 'Kadi'. Sejarah Melayu merekodkan jawatan kadi yang pertama disandang oleh kadi Yusof dan ini berlaku dalam pemerintahan Sultan Mansur Syah.<sup>6</sup> Jawatan-jawatan lain termasuk Bendahara, Temenggung dan Syahbandar juga dilantik oleh sultan.<sup>7</sup> Walau bagaimanapun, tiada rekod bertulis yang dapat dijadikan sandaran bagaimana keadilan ditadbirkan oleh kadi. Yang pasti. dalam Hukum Kanun Melaka terdapat banyak sekali peruntukan-peruntukan tentang hukum syarak meliputi antara lain, bidang munakahat, muamalat dan

<sup>4</sup> Muhammad Kamil Awang, *Sultan & Perlembagaan*, 20.

<sup>5</sup> Muhammad Kamil Awang, *Sultan & Perlembagaan*, 25.

<sup>6</sup> Shellabear W.G., *Sejarah Melayu* (Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1981), 152.

<sup>7</sup> Abdul Monir Yaacob, *Kehakiman Islam dan Mahkamah Syariah* (Cyberjaya: UIM, 2015), 129.

jenayah. Undang-undang ini pula telah mempengaruhi Hukum Kanun di negeri-negeri Melayu yang lain seperti Hukum Kanun Pahang -1592, Undang Undang Kedah - 1650 dan Undang-undang Johor -1855.<sup>8</sup> Menurut Hooker,<sup>9</sup> ‘All disputes were to be heard and determined on the principle of Islamic law.’ Di Kedah kadi mempunyai kuasa penuh dalam perkara berhubung dengan hukum syarak, Dan di ibarat sebagai raja dalam urusannya.

Pada zaman Inggeris memerintah Tanah Melayu bermula dengan Perak, pihak Inggeris telah memperkenalkan sistem mahkamah mengikut kehendak mereka Pegawai-pegawai Inggeris dilantik sebagai hakim.<sup>10</sup> Dalam tahun 1877 beberapa mahkamah telah ditubuhkan. Pada tahun yang sama Mahkamah Agong Perak ditubuhkan sebagai mahkamah rayuan bagi semua kes. Undang-undang yang dipakai ketika itu, ‘the law prevalent in Mohamedan states supplemented when necessary by the laws of Great Britain’.<sup>11</sup> Raja Idris sebelum dilantik sebagai sultan memegang jawatan sebagai ‘Chief Judge’ bagi negeri Perak dan untuk beberapa lama selepas diangkat sebagai sultan. Baginda mempunyai autoriti dalam hukum syarak. Baginda diberi kuasa melantik Kadi dan Naib Kadi. Keputusan kadi dipanjangkan kepada baginda untuk rayuan. Ini membuktikan bahawa Sultan adalah sebagai ketua agama dan dalam masa yang sama sebagai Hakim mahkamah rayuan tertinggi dalam perkara hukum syarak.<sup>12</sup> Pada tahun 1883 Majlis Negeri Perak telah merubah sistem rayuan kepada Chief Kadi daripada keputusan mahkamah Penolong Kadi dalam perkara hukum syarak.<sup>13</sup> Keadaan yang sama berlaku di negeri-negeri Kelantan dan Terengganu di mana sultan sendiri terlibat dalam pentadbiran keadilan.<sup>14</sup> Terdapat bukti dalam tahun 1830an Mufti negeri Kelantan bertempat di Mahkamah Syariah, Kota Bahru menjalankan tugas kehakiman dengan dibantu oleh kadi akan tetapi terbatas dalam perkara undang-undang diri orang Islam sahaja. Perkara berkaitan dengan jenayah dikendalikan oleh

<sup>8</sup> Abdul Monir Yaacob, *An Introduction to Malaysian Law* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989), 52.

<sup>9</sup> Hooker M.B., *Adat Law in Modern Malaya* (Kuala Lumpur: OUP, 1976), 79.

<sup>10</sup> Maxwell & Gibs, *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo* (London, Suffolk Lane, E. C.: Jas. Truscott, 1924), 28-29.

<sup>11</sup> Sadka E., *The Protected Malay States* (Kuala Lumpur: UM Press, 1970), 251.

<sup>12</sup> Sadka E., *The Protected Malay States*, 172-173.

<sup>13</sup> Moshe Yeger, *Islam and Islamic Institutions in British Malaya* (Jerusalem: The Hebrew University, 1979), 152.

<sup>14</sup> Hickling R.H., ‘The Origin of the Malay Bench,’ *Malaya Law Review Legal Essays* (1975), 24.

Hakim. Sultan mendengar rayuan di Mahkamah Balai.<sup>15</sup> Sebelum diadakan Courts Enactment 1930, Mahkamah Kadi telah pun ditubuhkan yang terdiri daripada tiga hakim yang mempunyai bidangkuasa dalam perkara perkahwinan, perceraian, perwarisan dan melanggar etika moral.<sup>16</sup> Pada masa Baginda Sultan Umar memerintah negeri Terengganu dalam tahun 1837 baginda juga bersemayam di Balai menjalankan tugas perhakiman. Baginda melaksanakan hukum syarak dalam kes-kes jenayah. Dalam kes jenayah bunuh hukuman diyyat dilaksanakan. Semua jenis judi diharamkan.<sup>17</sup>

Pada tahun 1890an Undang-undang pentadbiran keadilan telah diperkenalkan kepada beberapa negeri Melayu termasuk Perak, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan. Dalam susunan Mahkamah tersebut tidak termasuk mahkamah syariah. Perak Order in Council telah membuat peruntukan bagi penubuhan Mahkamah Kadi dan Mahkamah Penolong Kadi yang mempunyai kuasa mengenakan denda sebanyak sepuluh ringgit bagi mahkamah kadi dan lima ringgit bagi mahkamah Penolong Kadi. Surat 'kuasa' dikeluarkan bagi menentukan bidangkuasa mahkamah yang dicop mohor sultan dan ditanda tangan oleh Residen.<sup>18</sup> Berdasarkan modul Enakmen Mahkamah 1900 negeri Perak, negeri-negeri Melayu yang lain seperti Selangor dan Pahang telah menyusun mahkamah seperti berikut;

- a) Mahkamah Pesuruhjaya Kehakiman
- b) Mahkamah Majistret Kanan
- c) Mahkamah Majistret Kelas Satu
- d) Mahkamah Majistret Kelas Dua
- e) Mahkamah Kadi dan Penolong Kadi
- f) Mahkamah Penghulu.

Rayuan daripada keputusan Mahkamah Kadi dan Mahkamah Penolong Kadi didengar oleh Mahkamah Majistret Kanan. Enakmen tersebut telah di pinda beberapa kali. Mahkamah Majistret Kanan telah dihapuskan. Mahkamah Agong ditubuhkan. Enakmen ini telah dipinda lagi beberapa kali. Kedudukan

---

<sup>15</sup> Roff W. R., *Kelantan, Religion, Society and Politics in A Malay State* (Kuala Lumpur: OUP, 1974), 106.

<sup>16</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim, 'The Shariah Court in Malaysia,' *Malayan Law Journal* (1986), xxxvi.

<sup>17</sup> Clifford H., 'Expedition: Terengganu and Kelantan,' *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, vol. 34/1 (1961), 61, 82-88, 89.

<sup>18</sup> Moshe Yeger, *Islam and Islamic Institutions in British Malaya*, 153.

Kadi dan bidangkuasa Mahkamah Kadi telah dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Raja-raja Melayu pada 23 Julai 1903 di Kuala Lumpur. Mesyuarat ini telah membuat perakuan iaitu rayuan daripada Mahkamah Kadi tidak sepatutnya kepada majistret Inggeris yang tiada pengetahuan secukupnya dalam hukum syarak. Mencadangkan rayuan dari Mahkamah Kadi dibuat ke Mahkamah Kadi Besar dan rayuan terakhir kepada sultan. Isu ini tidak dibincangkan dalam Majlis Negeri Perak. Dibuat perakuan supaya Mahkamah Rayuan ditubuhkan yang terdiri daripada Mufti dan dua Ketua yang dipilih oleh sultan, bersama dengan seorang majistret Inggeris daripada Mahkamah Majistret kelas Pertama.<sup>19</sup>

Dalam keadaan keputusan Mahkamah Kadi tidak dipatuhi, Mahkamah boleh melaporkan kepada mahkamah majistret Kelas Satu dalam daerah yang sama. Adalah menjadi tanggungjawab mahkamah majistret menguat kuasa perintah tersebut seolah itu adalah perintah yang dikeluarkan olehnya (Courts Enactment 1905 Sek 64). Itu adalah gambaran umum kedudukan Mahkamah-mahkamah di negeri-negeri Melayu Bersekutu. Terdapat sedikit perbezaan dengan sistem Mahkamah di negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu dan adalah seperti berikut;

Di negeri Johor mengikut Enakmen Mahkamah No. 11 tahun 1911 struktur mahkamah adalah seperti berikut;

- a) Mahkamah Sultan dalam Majlis
- b) Mahkamah Agong
- c) Mahkamah Majistret Kelas Pertama
- d) Mahkamah Majistret Kelas Kedua
- e) Mahkamah Majistret Kelas Ketiga
- f) Mahkamah Kadi dan Penolong Kadi

Sultan mempunyai kuasa ke atas Kadi dan Penolong Kadi termasuk menentukan bidangkuasanya. Mahkamah Kadi hanya ada kuasa menjatuhkan denda sebanyak sepuluh ringgit. Pada tahun 1914 mahkamah telah disusun semula seperti yang terkandung dalam The Courts Enactment No 16, 1914. Rayuan tidak lagi kepada Sultan dalam mesyuarat akan tetapi baginda masih ada kuasa ke atas perlantikan kadi.

Di negeri Kedah, struktur Mahkamah adalah seperti berikut (Kedah Annual Report, 1909);

---

<sup>19</sup> Moshe Yeger, *Islam and Islamic Institutions in British Malaya*, 156-157.

- a) Mahkamah Majlis Negeri
- b) Mahkamah Rayuan
- c) Mahkamah Tinggi
- d) Mahkamah Syariah
- e) Mahkamah Daerah

Rayuan daripada Mahkamah Syariah didengar oleh Mahkamah Rayuan. Dalam keadaan ini dua orang pakar dalam hukum syarak turut bersama mendengar kes rayuan tersebut. Pada tahun 1912 sedikit perubahan berlaku pada Mahkamah syariah. Rayuan daripada Mahkamah Syarih didengar oleh Mahkamah Tinggi dan Syeikhul Islam turut bersama dan lebih bersifat sebagai penasihat.<sup>20</sup> Mahkamah di-negeri Kedah telah melalui beberapa perubahan. Enakmen Mahkamah negeri Kedah, 1924 telah menyusun semula Mahkamah seperti berikut;

- a) Mahkamah Rayuan
- b) Mahkamah Tinggi Bahagian Pertama
- c) Mahkamah Tinggi Bahagian Kedua
- d) Mahkamah Majistret Kelas Pertama
- e) Mahkamah Majistret Kelas Kedua
- f) Mahkamah Majistret kelas Ketiga
- g) Mahkamah Syariah

Rayuan daripada keputusan Mahkamah Syariah didengar oleh Mahkamah Tinggi Kelas Kedua. Dinyatakan bahawa bidangkuasa mahkamah kadi hanya ke atas pihak-pihak yang beragama Islam.

Pada peringkat permulaan penubuhan Mahkamah Syariah di-negeri Kelantan adalah dengan peraturan 'The Shariah Courts Regulations' yang diluluskan dalam tahun 1907. Hanya pada tahun 1925 diluluskan Enakmen Mahkamah - The Courts Enactment No 9, 1925. Susunan Mahkamah adalah seperti berikut;

- a) Mahkamah Tinggi
- b) Mahkamah Majistret Kelas Pertama

---

<sup>20</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim, 'The Shariah Court in Malaysia,' cxxx.



- c) Mahkamah Majistret Kelas Kedua
- d) Mahkamah Mufti
- e) Mahkamah Kadi Besar
- f) Mahkamah Kadi Jajahan
- g) Mahkamah Penggawa

Pada peringkat permulaan rayuan daripada keputusan Mahkamah Kadi boleh di dengar oleh Mahkamah Tinggi atau Majlis Agama dan Istiadat Melayu Kelantan. Dengan undang-undang yang baru Mahkamah Mufti mempunyai bidangkuasa mendengar rayuan daripada keputusan Mahkamah Kadi yang melibatkan orang Islam. Enakmen Mahkamah negeri Kelantan telah melalui beberapa pindaan iaitu dalam tahun 1927 (Kelantan Annual Report, 1927). Pindaan pada tahun 1928 (Kelantan Annual Report, 1928), Pindaan pada tahun 1932 (Kelantan Annual Report, 1932). Dalam tahun 1930 Bahasa Melayu telah diiktiraf sebagai Bahasa rasmi mahkamah. Pindaan seterusnya berlaku dalam tahun 1938 iaitu dengan mengadakan Enactment No 31, 1938. Sultan mempunyai kuasa melantik semua hakim-hakim termasuk perlantikan Kadi Besar dan Kadi-kadi di seluruh negeri Kelantan. Tauliah dikeluarkan oleh sultan.

Penubuhan Mahkamah di-negeri Terengganu telah bermula sejak tahun 1901 dan terdiri daripada tiga peringkat (Terengganu Annual Report, 1914-1917) iaitu seperti berikut;

- a) Mahkamah Balai
- b) Mahkamah Hakim Melayu
- c) Mahkamah Syariah.

Pada tahun 1921 satu Enakmen baru telah diperkenalkan bagi menyusun semula struktur Mahkamah di negeri Terengganu. The Courts Enactment, 1921 dalam seksyen 2 membuat peruntukan berikut;

- a) Mahkamah Rayuan
- b) Mahkamah Agong
- c) Mahkamah Majistret Kelas Pertama
- d) Mahkamah Majistret Kelas Kedua
- e) Mahkamah Kadi
- f) Mahkamah Penghulu

Anggota Mahkamah Rayuan terdiri daripada Penasihat British dan dua Menteri atau dua pegawai tinggi kerajaan yang dilantik oleh Sultan. Mufti lazimnya duduk bersama dengan Penasihat British mendengar rayuan daripada keputusan Mahkamah Agong. Anggota Mahkamah Agong pula terdiri daripada Ketua Hakim Melayu dan seorang bangsa European. Dalam perkara berkaitan dengan hukum syarak hanya hakim Melayu yang boleh membuat keputusan.<sup>21</sup>

Di Perlis Mahkamah adalah seperti berikut (Kedah Annual Report):

- a) Mahkamah Rayuan
- b) Senior Court
- c) Junior Court
- d) Mahkamah Syariah

Mahkamah Rayuan adalah Raja dalam Mesyuarat. Mahkamah Senior pula terdiri daripada Penasihat British dan dua orang hakim Melayu yang dilantik oleh Majlis Negeri. Mahkamah Senior diberi kuasa mendengar rayuan daripada keputusan Mahkamah Syariah. Mahkamah Syariah adalah terdiri daripada Kadi dan Penolong Kadi yang hanya mempunyai bidangkuasa ke atas pihak-pihak yang beragama Islam.

Pada tahun 1949 negeri Perlis telah mengadakan satu undang-undang bagi penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (Enakmen No. 1, 1949). Terdapat satu peruntukan yang memberi kuasa kepada Majlis mendengar rayuan keputusan daripada Mahkamah Syariah. Seksyen 12 memperuntukkan, 'Notwithstanding the provisions of any law to the contrary, the Council shall have exclusive jurisdiction to hear and determine appeals, both in civil and criminal matters, from decisions of the Shariah Court'.

Hasil daripada kajian diatas, antara lain, didapati kedudukan struktur Mahkamah, di-negeri Melayu Tak Bersekutu tidak seragam, berbanding dengan struktur Mahkamah di-Negeri Melayu Bersekutu. Apa yang kelihatan agak sama adalah kedudukan Mahkamah Kadi atau Mahkamah Syariah adalah lebih rendah daripada mahkamah majstret dari segi heirarki Mahkamah dan mempunyai kuasa dan bidang kuasa yang amat terbatas dan rendah, termasuk bidangkuasa rayuan.

Pihak berkuasa Inggeris di Tanah Melayu telah berusaha untuk menubuhkan Malayan Union pada tahun 1946. Satu Ordinan telah diadakan bagi menyusun semula Mahkamah iaitu Malayan Union Ordinance, 1946. Seksyen 3(1)

---

<sup>21</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim, 'The Shariah Court in Malaysia,' cxxxii.

memperuntukkan peneubuhan Mahkamah dalam Malayan Union seperti berikut;

- a) Mahkamah Agong
- b) Mahkamah Jajahan
- c) Mahkamah Majistret
- d) Mahkamah-mahkamah yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Ordinan ini.

Kedudukan Mahkamah-mahkamah Kadi di negeri-negeri Melayu seluruhnya ada dinyatakan satu persatu dalam Jadual Pertama itu. Dari segi susunan Mahkamah di negeri Kedah, Mahkamah Majistret terletak selepas Mahkamah Syariah. Dalam tahun 1948 berlaku penyusunan semula Mahkamah dengan mengadakan Courts Ordinance, 1948. Ordinan ini telah mengeluarkan Mahkamah Syariah daripada struktur Mahkamah Persekutuan. Berikutan dengan itu Mahkamah Syariah atau Mahkamah Kadi menjadi Mahkamah negeri. Kedudukan baru Mahkamah Kadi dapat dilihat apabila negeri Selangor mengadakan Enakmen Hukum Syarak, 1952.

Dengan penyerahan Sabah dan Sarawak kepada kerajaan British, sistem mahkamah yang pada mulanya mengikut sistem Mahkamah Brunei telah dipinda dan disusun semula di bawah Sarawak, North Borneo and Brunei Court Order in Council 1951 dan heirarkinya adalah seperti berikut;

- a) Mahkamah Agong Sarawak, Borneo Utara dan Brunei, yang terdiri daripada Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi
- b) Mahkamah Majistret Kelas 1
- c) Mahkamah Majistret Kelas 11
- d) Mahkamah Majistret Kelas 111
- e) Mahkamah Kadhi

Struktur baru ini telah menggantikan Mahkamah Residen dan dihapuskan bidangnya dan berpindah ke Mahkamah Agong. Kes-kes rayuan daripada Mahkamah Kadi dibawa ke Mahkamah Magistret Kelas 1.<sup>22</sup>

Dalam satu rekod di Sabah State Archives terdapat satu kenyataan daripada Pejabat Ketua Hakim, Sandakan, bertarikh 21 April 1936. Ketua Hakim

---

<sup>22</sup> Abdul Monir Yaacob, *Perkembangan Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia* (Cyberjaya: UIM, 2016), 316.

telah membuat rujukan kepada seksyen 4 dan 5 'The Muhammedan Customs Ordinance, 1914'. Menurutnya seksyen-seksyen tersebut mewajibkan laporan perkahwinan dan perceraian akan tetapi tidak mewajibkan apa-apa fi bagi mendapatkan sijil. Residen telah mencadangkan kepada Ketua Hakim supaya dipinda Ordinan tersebut agar selari dengan amalan yang berlaku. Cadangan tersebut telah diterima dan Ketua Hakim telah mengemukakan satu deraf untuk dijadikan undang-undang. Undang-undang ini telah meminda seksyen 4 dan 5. Dalam seksyen yang baru telah memberi kuasa kepada kadi atau imam dalam daerah di-mana upacara itu diadakan dan dikenakan fi. Begitu juga apabila berlaku perceraian. Pindaan dibuat dibawah Seksyen 3 the Rules Ordinance, 1906. Dijelaskan juga dalam amalannya tugas kadhi dijalankan oleh Imam walaupun kadhi adalah Pendaftar dan Imam adalah pegawai kanan masjid. Jawatan kadhi juga terdapat di Sarawak bagi orang Melayu di Sarawak Undang-undang Mahkamah Melayu Sarawak dipakai. Undang-undang tersebut dipengaruhi oleh undang-undang Islam atau hukum syarak terutama dalam bahagian perkahwinan dan perceraian.<sup>23</sup>

## **MAHKAMAH SYARIAH SELEPAS MERDEKA**

Apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada bulan Ogos 1957, satu Perlembagaan telah disediakan oleh Suruhanjaya Reid. Di dalam Perlembagaan Persekutuan ini terdapat peruntukan dalam Jadual Ke Sembilan item 1 Senarai 2 Senarai Negeri yang menyatakan kuasa negeri -negeri bagi penubuhan Mahkamah Syariah, yang berbunyi 'keanggotaan, penyusunan dan acara bagi mahkamah-mahkamah Syariah, yang mempunyai bidangkuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan. Perlembagaan Persekutuan dalam perkara 74 (2) ada membuat Peruntukan berikut;

*“Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebutkan dalam senarai Negeri (iaitu Senarai 2 yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama”.*

Penubuhan Mahkamah Syariah adalah termasuk dalam bidangkuasa Dewan Perundangan Negeri. Sebelum merdeka lagi telah ada Enakmen yang membuat peruntukan bagi penubuhan Mahkamah Syariah/Mahkamah Kadi

---

<sup>23</sup> Abdul Monir Yaacob, *Kehakiman Islam dan Mahkamah Syariah* (Cyberjaya: UIM, 2015), 110.

seperti Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 negeri Selangor. Enakmen ini kemudiannya telah diikuti oleh negeri-negeri lain termasuk Terengganu 1955, Pahang 1956 dan Melaka 1956. Setelah itu negeri-negeri selainnya telah melakukan perkara yang sama walaupun tiada keseragaman tentang nama Enakmen yang dipakai. Wilayah Persekutuan telah menerimapakai Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak negeri Selangor 1952 yang diubahsuai mengikut Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1974).

Mengenai Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri, terdapat banyak penulisan yang telah diterbitkan mengulas kandungan Enakmen Pentadbiran Agama Islam ini. Enakmen ini boleh disifatkan sebagai permulaan kepada pengkanunan undang-undang pentadbiran Agama Islam dan hukum syarak di-seluruh negeri. Beberapa tahun kemudiannya telah melahirkan beberapa Enakmen baru yang lebih lengkap bermula dengan Enakmen Keluarga Islam.<sup>24</sup> Kertas ini tidak menghuraikan lebih lanjut tentang perkembangan Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri. Fokus akan diberikan kepada perkembangan Mahkamah Syariah selepas negara mencapai kemerdekaan dan isu serta cabaran yang dihadapi.

Dari segi fizikal bangunan Mahkamah Syariah di peringkat awal negara mencapai kemerdekaan, pada keseluruhannya, jika dibandingkan dengan apa yang dicapai hari ini, sangatlah daif dari semua segi. Begitu juga dengan pegawai mahkamah. Mereka dipandang lebih rendah dari Mahkamah Sivil. Mungkin satu sebabnya adalah Mahkamah Sivil adalah Mahkamah Persekutuan, akan tetapi Mahkamah Syariah adalah mahkamah negeri.<sup>25</sup> Ada pejabat Kadi ketika itu hanya mempunyai seorang kerana. Tidak ada privasi dalam urusan mahkamah, pejabat Kadi terbuka dan berkongsi dengan pegawai agama lain. Biasanya terletak bersama dengan Jabatan-jabatan kerajaan lain. Tidak seperti yang dilihat pada hari ini Mahkamah Syariah telah mempunyai bangunan yang tersergam indah dan hebat. Menurut Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman, mantan Ketua Hakim Syareh/Ketua Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) semasa beliau menerajui JKSM usaha telah dibuat bagi mendapatkan peruntukan yang besar bagi pembangunan Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia. Peruntukan yang dipohon lebih 500 juta. Kerajaan telah meluluskan amaun yang agak besar walaupun tidak sepenuh seperti yang dipohon. Peruntukan itu diagih kepada pembangunan fizikal

<sup>24</sup> Abdul Monir Yaacob, *Perkembangan Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia* (Cyberjaya: UIM, 2016)

<sup>25</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim, *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit IKIM, 1997), 57.

mahkamah-mahkamah Syariah di negeri-negeri termasuk Sabah, Wilayah Persekutuan, Melaka, Perlis, Pulau Pinang dan Pahang.<sup>26</sup>

Kekangan dan kekurangan yang terdapat pada Mahkamah Syariah ini disedari oleh pelbagai pihak termasuk oleh kerajaan pada ketika itu. Berikutan dengan itu satu jawatankuasa yang di pengerusikan oleh Tuan Syed Nasir Ismail telah ditubuhkan bagi menimbangkan kedudukan, kuasa dan status Mahkamah Syariah dan hakim-hakimnya. Jawatankuasa ini telah mengemukakan satu laporan dengan membuat beberapa syor;

- a) Pentadbiran Mahkamah Syariah hendaklah dipisahkan dari pentadbiran Majlis Ugama Islam negeri-negeri
- b) Status dan bidangkuasa Mahkamah Syariah hendaklah diperbaiki dan dipertingkatkan
- c) Status dan kedudukan hakim Mahkamah-mahkamah Syariah hendaklah dipertingkatkan dan suatu perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan ditubuhkan bagi hakim-hakim dan pegawai-pegawai Mahkamah Syariah dan Pendakwa-pendakwa.<sup>27</sup>

Laporan tersebut telah diserahkan kepada sebuah jawatankuasa peringkat pegawai yang dipengerusikan oleh Dr Zakaria Mohd Yatim pada tahun 1981 dan Jawatan kuasa ini telah mengemukakan beberapa perakuan.<sup>28</sup> Kerajaan pada tahun 1986 telah bersetuju menyusun semula struktur organisasi dan fungsi Mahkamah Syariah sebagai satu langkah untuk mempertingkatkan peranan mahkamah dan kecekapannya memberi perkhidmatan kepada orang ramai. Berikutan dengan itu semua negeri telah mengambil tindakan meminda Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam dan Enakmen Mahkamah Syariah negeri-negeri dengan menubuhkan tiga peringkat, iaitu:

- a) Mahkamah Rayuan Syariah
- b) Mahkamah Tinggi Syariah
- c) Mahkamah Rendah Syariah

Berikutan dengan itu Mahkamah Syariah telah dipisahkan daripada organisasi Jabatan Ugama Islam negeri-negeri dan bebas dengan pengurusannya sendiri dan diketuai oleh Ketua Hakim Syarie. Jawatan-jawatan Hakim

---

<sup>26</sup> Temu bual melalui telefon pada 1 Julai 2021.

<sup>27</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim, *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit IKIM, 1997), 148-149.

<sup>28</sup> Sheikh Ghazali Abdul Rahman, 'Perkembangan Terkini Mahkamah Syariah di Malaysia,' dalam *Sistem Kehakiman Islam* (Kuala Lumpur: IKIM, 2001), 57-60.

Mahkamah Syariah, Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah dan Penolong Pendaftar Mahkamah Syariah telah diwujudkan.<sup>29</sup>

Seperkara lagi yang patut disebutkan di sini adalah persetujuan kerajaan persekutuan yang diputuskan oleh Kabinet pada 3 Julai 1966 bagi mengemaskini semula Mahkamah-mahkamah Syariah. Di antaranya adalah seperti berikut;

- a) Sebuah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) ditubuhkan oleh kerajaan Persekutuan diketuai oleh Ketua Hakim Syarie Malaysia dan diletakkan dibawah Jabatan Perdana Menteri
- b) Satu Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah diwujudkan oleh kerajaan Persekutuan
  - i) Mendapatkan persetujuan Majlis Raja-Raja, kerajaan-kerajaan negeri mengenai cadangan mewujudkan satu Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah seluruh Malaysia
  - ii) Kerajaan Persekutuan membiayai segala emolumen, elaun tetap bulanan dan lain-lain pegawai Syariah yang berkhidmat di Mahkamah Tinggi Syariah di-negeri-negeri dan Mahkamah Rayuan Syariah.<sup>30</sup> Di samping itu, satu skim Perkhidmatan Pegawai Syariah telah diwujudkan pada bulan Februari 1985. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) ditubuhkan mengikut Waran Perjawatan yang diluluskan oleh Perbendaharaan bertarikh 1 April 1998.

Pada umumnya struktur atau heirarki Mahkamah Syariah di seluruh negara adalah sama berbanding sebelumnya, iaitu mempunyai tiga lapis susunan seperti yang dinyatakan sebelum ini. Mutakhir ini, terdapat usaha untuk menyusun semula Mahkamah Syariah supaya sama dengan heirarki Mahkamah Awam. Allahyarham Profesor Ahmad Mohamed Ibrahim ada menimbulkan isu ini. Beliau menyarankan supaya sistem rayuan dipusatkan seperti yang berlaku di-negara-negara Islam lain.<sup>31</sup> Bahkan satu cadangan telah pun dibuat untuk mengadakan Mahkamah Rayuan Syariah di peringkat Persekutuan dan tidak di peringkat negeri.<sup>32</sup> Telah timbul saranan supaya heirarki Mahkamah Syariah

---

<sup>29</sup> Sheikh Ghazali Abdul Rahman, 'Perkembangan Terkini Mahkamah Syariah di Malaysia,' 60.

<sup>30</sup> Sheikh Ghazali Abdul Rahman, 'Perkembangan Terkini Mahkamah Syariah di Malaysia,' 2-63.

<sup>31</sup> Abdul Monir Yaacob, *Kehakiman Islam dan Mahkamah Syariah* (Cyberjaya: UIM, 2015), 253.

<sup>32</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim, *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit IKIM, 1997), 189.

disusun kepada lima peringkat. Ada juga pendapat supaya disusun kepada empat peringkat sahaja. Dewan Undangan Negeri Perak telah meluluskan Enakmen Mahkamah Syariah pada bulan Disember 2018 dan telah mendapat perkenan DYMM Paduka Seri Sultan Perak pada bulan Ogos 2019. Berikutan dengan itu susunan baru Mahkamah Syariah negeri tersebut telah mengadakan satu lagi tingkat yang tertinggi, iaitu Mahkamah Utama Syariah. Difahamkan anggota Mahkamah Utama ini terdiri antaranya adalah mantan hakim-hakim Mahkamah Persekutuan dan Ketua Hakim Syarie JKSM dan seorang lagi adalah mantan Ketua Hakim Syarie JKSM. Dengan demikian membolehkan pihak yang tidak puas hati dengan keputusan Mahkamah Rayuan Syariah membuat rayuan ke Mahkamah ini.<sup>33</sup> Negeri-negeri lain masih belum mengambil apa-apa langkah seumpama itu.

Allahyarham Profesor Ahmad Mohamed Ibrahim ada menimbulkan isu kebebasan Mahkamah Syariah dan pentadbirannya yang masih kurang memuaskan. Begitu juga dengan mutu perbicaraan serta pelaksanaan undang-undang di Mahkamah Syariah. Dalam hubungan ini berapa langkah telah diambil dengan mengadakan undang-undang baru mengenai Acara Mal, Acara Jenayah, Undang-undang Keluarga dan Undang-undang Keterangan. Dengan adanya undang-undang tersebut bolehlah dikatakan Mahkamah Syariah telah diberi panduan yang jelas di dalam perkara-perkara tersebut.<sup>34</sup>

Seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidangkuasa ke atas orang Islam dan tidak mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuai setakat yang diberikan oleh undang-undang Persekutuan. Dalam bidang jenayah Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidangkuasa berhubung dengan kesalahan-kesalahan seperti yang diberikan oleh undang-undang Persekutuan. Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah 1965) membataskan bidangkuasa Mahkamah Syariah. Akta ini telah dipinda dalam tahun 1984.<sup>35</sup> Dengan pindaan itu bidangkuasa Mahkamah Syariah telah diluaskan dengan hukuman penjara sehingga tiga tahun, denda sehingga RM5,000, sebatan enam rotan atau gabungan hukuman itu. Ada cadangan supaya Akta tersebut dipinda bagi meningkatkan had maksimum hukuman kesalahan jenayah Syariah. Dalam amalan di Mahkamah Syariah tidak menjatuhkan hukuman maksimum, lebih kepada denda. Hukuman sebat juga dikatakan masih jarang

---

<sup>33</sup> Satu temu bual melalui telefon pada 7hb Julai 2021 telah diadakan dengan Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Perak.

<sup>34</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim, *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit IKIM, 1997), 154.

<sup>35</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim, *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*, 268.



dilaksanakan di Mahkamah Syariah, walaupun peruntukan mengenainya telah diadakan.<sup>36</sup> Akta yang sedia ada tidak membolehkan Mahkamah Syariah menjatuhkan hukuman qisas, diyyat dan hudud Satu Rang Undang-undang yang kini lebih dikenali dengan Akta 355 telah dibentangkan dalam Parlimen. Tujuan cadangan pindaan tersebut adalah bagi meningkatkan lagi bidangkuasa Mahkamah Syariah.<sup>37</sup> Menteri Agama Di Jabatan Perdana Menteri telah memberi kepercayaan kepada Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil Kebangsaan supaya meneliti RUU 355 tersebut dan difahamkan ianya dalam peringkat akhir.

Untuk mengadakan pegawai yang mahir dan cekap di Mahkamah Syariah telah dicadangkan bahawa seorang yang dilantik sebagai hakim, pendaftar dan pendakwa hendaklah mempunyai kelulusan undang-undang dan Syariah atau kelulusan dalam bidang Syariah dengan syarat mereka hadir dan lulus kursus profesional seperti Diploma Kehakiman Syariah. Apabila tamat dan lulus kursus itu seorang yang dilantik sebagai kadi/hakim adalah diberi gaji profesional seperti pegawai perkhidmatan kehakiman dan undang-undang.<sup>38</sup>

## **PERKARA 121(1A) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**

Campur tangan Mahkamah Sivil terhadap keputusan Mahkamah Syariah telah berlaku sejak era zaman penjajahan lagi dan berterusan ke zaman lepas negara mencapai kemerdekaan. Ini dapat dibuktikan berdasarkan kes-kes yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah yang telah dibuat rayuan ke Mahkamah Tinggi. Boleh dikatakan keputusan-keputusan Mahkamah Syariah telah di batalkan. Keadaan ini telah menimbulkan rasa tidak senang pelbagai pihak, terutamanya golongan pegawai Mahkamah sendiri. Mereka begitu kecewa atas perkara itu.

Sebenarnya terdapat satu peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 negeri Selangor yang mengenai bidangkuasa Mahkamah Sivil dalam isu ini. Seksyen 45(6) memperuntukkan:

---

<sup>36</sup> Mahamad Naser Disa, 'Cadangan Untuk Meningkatkan Had Bidang Kuasa Kesalahan Jenayah Syariah,' dalam *Kompilasi Kertas Kerja Persidangan Penyelarasan Undang-undang Syarak dan Sivil*, vol. 3 (Putrajaya: JAKIM, 2014), 171, 176.

<sup>37</sup> Abdul Monir Yaacob, 'Kesan Pindaan RUU 355,' dalam *Artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan*, ed. Abdul Monir Yaacob & Nurul 'Uyun Hj Zainal (Cyberjaya: Universiti Islam Malaysia, 2017), 156-165.

<sup>38</sup> Abdul Monir Yaacob, 'Kesan Pindaan RUU 355,' 155.

*“Satu pun tiada yang ada di dalam undang-undang ini boleh mengenai Mahkamah Mal. Jika ada berlawanan oleh sebab berbangkit daripada keputusan Mahkamah Kadi Besar dan Kadi atau keputusan Mahkamah Mal menjatuhkan hukum di dalam kuasanya keputusan Mahkamah Mal hendaklah dipakai.”*

Mahkamah Mal yang dimaksudkan dalam peruntukan tersebut ialah Mahkamah Sivil. Perkara 121(1) ada memperuntukkan kedudukan Mahkamah Sivil dengan terperinci. Mahkamah Sivil tanpa ragu-ragu menggunakan kuasanya untuk campurtangan ke atas keputusan Mahkamah Syariah sejak Inggeris berkuasa di Tanah Melayu sehinggalah negara mencapai kemerdekaan dan perkara ini terus berlaku sehinggalah Perlembagaan dipinda dan akan dibincangkan kemudian. Beberapa contoh kes yang menunjukkan campurtangan Mahkamah Sivil boleh di berikan di sini secara ringkas dengan menyebut nama kes sahaja. Seperti dalam isu kemungkiran pertunangan dalam kes Nafsiah lwn Abdul Majid (1966) 1 MLJ 174, Tuntutan harta sepencarian kes Roberts lwn Umme Kalthom (1966) 1 MLJ 163, Tuntutan penjagaan anak kes Myriam lwn Ariff (1971) 1 MLJ 265, Sahtaraf anak dalam kes Ainan lwn Syed Abu Bakar (1939) MLJ 219. Selain daripada perkara-perkara tersebut termasuk juga isu tuntutan nafkah dan wakaf. Jelas bahawa Mahkamah Sivil tidak terikat dengan keputusan Mahkamah Syariah. Keadaan ini berpanjangan hingga tahun 1988. Dapat kita saksikan bahawa keputusan-keputusan Mahkamah Sivil adalah bertentangan dengan keputusan-keputusan yang dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah.<sup>39</sup>

Pada tahun 1988 Parlimen telah membuat pindaan kepada perkara 121 dengan memasukkan selepas sahaja Fasal (1), Fasal baru (1A). Kandungannya adalah seperti berikut.

*“Mahkamah-mahkamah yang disebut dalam Fasal (1) tidaklah boleh mempunyai bidangkuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa mahkamah Syariah (Akta 704)”*

Peguam Negara pada masa pindaan ini dibuat ialah Tan Sri Abu Talib Othman. Beliau menyatakan pindaan itu dibuat bertujuan untuk menaikkan taraf Mahkamah Syariah supaya keputusannya tidak lagi diganggu oleh Mahkamah Sivil. Menurutnya lagi kedua-dua Mahkamah ini membuat keputusan berdasarkan prinsip undang-undang yang berbeza. Mahkamah Syariah mengikut hukum Syarak dan merekalah yang lebih arif dalam hukum

---

<sup>39</sup> Abdul Monir Yaacob, *Kehakiman Islam dan Mahkamah Syariah* (Cyberjaya: UIM, 2015), 242.

syarak. Menakala Mahkamah Sivil pula mengikut prinsip common law dan ekuiti.<sup>40</sup>

Pindaan ini adalah permulaan bagi memberi kedudukan yang sewajarnya kepada Mahkamah Syariah dan status Hakim Mahkamah Syariah di negara ini. Terdapat banyak penulisan mengenainya telah diterbitkan seperti dalam buku bertajuk *Artikel 121(1A) Perlembagaan Persekutuan (2017)* yang diterbitkan oleh UIM. Dalam buku ini terdapat artikel yang ditulis oleh YABhg Tun Abdul Hamid Mohamad mantan Ketua Hakim Negara dan artikel oleh Prof Dr Nagibah Mohd Zain tentang isu yang sama. Penulis lain termasuk mantan Ketua Mahkamah Syariah Terengganu dan mantan Ketua Hakim Mahkamah Syariah Perak. Penulis sendiri ada membincangkan perkara ini dalam buku bertajuk 'Islam dan Kebebasan Beragama Menurut Perlembagaan Persekutuan'<sup>41</sup> yang diterbitkan oleh Yayasan Ilmuan. Dalam buku ini ada membincangkan kes-kes yang menyentuh kesan Perkara 121(1A) terhadap bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Berikutan dengan pindaan ini beberapa sarjana telah memberikan pendapat mereka diantaranya oleh Allahyarham Profesor Ahmad Mohamed Ibrahim. Menurutnyanya 'satu kesan yang terbesar yang diperolehi daripada pindaan itu ialah mengelakkan percanggahan antara keputusan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil seperti yang terdapat di dalam beberapa kes terdahulunya'.<sup>42</sup> Tun Abdul Hamid Mohamad pula menyatakan bahawa banyak orang beranggapan bahawa pindaan itu telah menyelesaikan semua masalah percanggahan bidang kuasa antara dua mahkamah itu. Sebenarnya, kata beliau, anggapan itu tidak betul. Semasa beliau sebagai Pesuruhjaya Kehakiman telah membicarakan satu kes 'murtad' yang paling awal ke Mahkamah Sivil. Kes yang diputuskan oleh beliau yang ada kaitan dengan Perkara 121(1A) dan keputusan yang dibuat akhirnya sampai ke Mahkamah Agong, iaitu dalam kes yang terkenal Dalip Kaur lwn Pegawai Polis Daerah, Balai Polis Daerah Bukit Mertajam & Anor (1992) 1 MLJ 1. Dalam kes ini dua rayuan telah dibuat ke Mahkamah Agong. Mahkamah Agong telah memutuskan ia ada bidangkuasa. Jika tidak, bagaimana ia hendak mendengar dan membuat

<sup>40</sup> Penjelasan daripada Tan Sri Abu Talib Othman dalam satu temu bual dalam talian pada 24 Julai 2021.

<sup>41</sup> Abdul Monir Yaacob, *Islam dan Kebebasan Beragama Menurut Perlembagaan Persekutuan* (Kuala Lumpur: Yayasan Ilmuan, 2012).

<sup>42</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim, 'Pindaan kepada Perlembagaan 121 Perlembagaan Persekutuan dan Kesannya kepada Pentadbiran Undang-undang Islam,' *Jurnal Hukum*, vol. 7/2 (1991): 129.

keputusan berdasarkan fakta kes itu.<sup>43</sup> Menurut Tun Abdul Hamid Mohamad lagi Perkara 121(1A) hanya menyelesaikan isu bidangkuasa dalam kes-kes di mana semua pihak adalah orang yang beragama Islam dan hanya isu yang berbangkit dalam kes itu adalah isu hukum syarak dalam perkara yang terletak di bawah Senarai Negeri. Maka dalam keadaan itu, kes itu terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil tidak ada bidang kuasa mengenainya.<sup>44</sup>

Perlembagaan Persekutuan adalah instrumen yang memberi kuasa kepada Dewan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang bagi Mahkamah Syariah (Perkara 74 (2) Perlembagaan). Adalah penting perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang kuasa Mahkamah Syariah diperuntukkan secara nyata dalam Enakmen bagi menghilangkan keraguan.

Berbangkit dalam isu yang sama Mahkamah Sivil berbeza pendapat dalam memberikan bidangkuasa kepada Mahkamah Syariah sama ada secara 'implication' atau '*express provision*'.<sup>45</sup> Beberapa kes boleh dirujuk, sebagai contoh Kes Lim Chang Seng lwn Pengarah Jabatan Agama Islam, Pulau Pinang & Satu Lagi (1996) 3 CLJ 231. Yang Arif Hakim Abdul Hamid Mohamad berpendapat 'Untuk memberi bidang kuasa kepada Mahkamah Syariah, Badan Perundangan Negeri kenalah membuat undang-undang mengenainya'. Hakim itu seterusnya memutuskan bahawa Mahkamah Sivil adalah mahkamah yang kompeten untuk mendengar kes permohonan murtad memandangkan bahawa tidak terdapat peruntukan yang nyata dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri Pulau Pinang yang memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk berbuat demikian. Terdapat beberapa kes lain yang mengambil pendekatan yang sama.<sup>46</sup>

Jika berdasar kepada kes tersebut dan kes-kes yang serupa keputusannya jelas bahawa apabila berlaku konflik bidangkuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil, persoalan pokok bukan sama ada Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa, tetapi sama ada bidang kuasa itu dianugerahkan

---

<sup>43</sup> Abdul Hamid Mohamad, 'Artikel 121(1A): Sejauh Manakah Ianya Menyelesaikan Konflik Bidang Kuasa Antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil,' dalam *Artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan*, ed. Abdul Monir Yaacob & Nurul 'Uyun Hj Zainal (Cyberjaya: Universiti Islam Malaysia, 2017), 95.

<sup>44</sup> Abdul Hamid Mohamad, 'Artikel 121(1A): Sejauh Manakah Ianya Menyelesaikan Konflik Bidang Kuasa Antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil,' 97.

<sup>45</sup> Farid Sufian Shuaib, *Power and Jurisdiction of Syariah Courts in Malaysia* (Singapore: Malayan Law Journal, 2003), 59-65.

<sup>46</sup> Mohamed Azam Mohamed Adil, *Khayalan atau Realiti?* (Kuala Lumpur: IIAS, Ilham Books, 2018), 132-134.

kepada Mahkamah Syariah atau tidak. Sekiranya undang-undang negeri tidak menganugerah kepada Mahkamah Syariah bidang kuasa yang tersenarai di bawah Senarai Negeri, maka Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa tersebut. Dalam beberapa kes lain Mahkamah telah mengambil pendekatan yang berbeza. Sebagai contoh dalam kes Md Hakim Lee lwn Majlis Agama Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur (1998 .1 MLJ. 681), Hakim Abdul Kadir Sulaiman memutuskan, berasaskan kepada Perkara 121 (1A), biar pun Badan Perundangan Negeri belum lagi menggubal sebarang undang-undang berkaitan dengannya, beliau berpendapat:

*“The fact that the (state) legislature is given the power to legislate on these matters but it does not as yet to do so, will not detract from the fact that those matters are within the jurisdiction of the Syariah Court”.*

Pendekatan tersebut juga telah diikuti dalam kes Soon Singh a/l Bikar Singh lwn Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia Kedah & Anor (1999. 2 AMR.1221) dimana Mahkamah memutuskan:

*“The subject matter of application fell within the jurisdiction of the Syariah Court and thereof the Civil Courts had no jurisdiction by virtue of Art 121(1A) of the Federal Constitution”.*

Tun Abdul Hamid Mohamad ada menjelaskan bahawa pindaan itu hanya tertumpu kepada “apa-apa perkara” (*any matter*) dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Jika perkara itu terletak dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah maka Mahkamah Sivil tidak ada bidang kuasa mengenainya.<sup>47</sup>

Pada suatu ketika dahulu hanya ‘agen’ atau wakil yang dibenarkan mewakili pihak-pihak yang bertikai di Mahkamah Syariah dan tiada tatacara khusus atau syarat tertentu dikenakan keatas wakil tersebut. Pada hari mana-mana Peguam Syarie boleh hadir sebagai wakil di dalam prosiding di Mahkamah Syariah dengan syarat memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh negeri-negeri berkenaan. Setiap negeri ada kaedah kemasukan seseorang sebagai Peguam Syarie Bagaimanapun keadah-keadah yang mengawal kelayakan, kemasukan dan disiplin Peguam Syarie tidak seragam. Keadaan ini telah menimbulkan kesukaran kepada pemohon-pemohon yang terpaksa memenuhi kehendak yang ada dalam keadah-keadah sesuatu negeri sebelum boleh menjalankan amalan di negeri tersebut. Ada pendapat menyatakan adalah bahawa kawalan ke atas

---

<sup>47</sup> Abdul Hamid Mohamad, ‘Artikel 121(1A): Sejauh Manakah Ianya Menyelesaikan Konflik Bidang Kuasa Antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil,’ 93.

Peguam- Peguam Syarie akan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan jika undang-undang tersebut disatukan dan dikanunkan sebagai satu undang-undang Persekutuan. Akan tetapi terdapat halangan-halangan di sisi Perlembagaan bagi melaksanakan matlamat ini. Disarankan supaya diadakan suatu Akta Parlimen di bawah Perkara 76(1)(b) Perlembagaan Persekutuan untuk diterima pakai bagi negeri melalui Enakmen negeri masing-masing.<sup>48</sup> Apa yang diharapkan itu telah berhasil apabila Parlimen meluluskan Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019. Kita akan lihat dan tunggu apakah respons daripada negeri-negeri. Setakat hari ini, Julai 2021 Akta tersebut masih belum digunapakai.

Mahkamah Syariah di negara ini tidak di anugerah bidangkuasa dalam kes-kes perbankan Islam, takaful dan sukuk atau saham. Walhal isu-isu Syariah juga timbul. Kes-kes dalam isu perbankan dan takaful dibawa ke Mahkamah Sivil dan dirujuk kepada Majlis Penasihat Syariah dibawah Bank Negara Malaysia. Berlainan dengan keadaan di Indonesia, peradilan Agama ada bidangkuasaa membicarakan kes-kes berkaitan dengan perbankan syariah.

## **PENUTUP**

Banyak perkara dan isu yang telah di bincangkan dan boleh dibangkitkan semula sebagai kajian selanjutnya oleh pihak-pihak yang berkaitan. Dengan penelitian semula ini jelas bahawa kedudukan Mahkamah Syariah hari ini jauh lebih baik berbanding dengan era penjajahan Inggeris dan peringkat permulaan negara mencapai kemerdekaan. Banyak sekali perubahan yang berlaku sama ada dari aspek pembangunan fizikal Mahkamah mahupun kedudukan dan taraf hakim-hakim Mahkamah Syariah walaupun jika dibandingkan dengan hakim-hakim Mahkamah Tinggi Sivil masih tidak setara.

Sungguhpun struktur Mahkamah Syariah telah mempunyai tiga peringkat akan tetapi terdapat sedikit kekurangan dari segi peringkat rayuan. Di mahkamah Sivil terdapat dua peringkat rayuan. Akan tetapi di Mahkamah Syariah jika kes dimulakan di Mahkamah Tinggi Syariah, maka hanya ada satu peringkat rayuan iaitu ke Mahkamah Rayuan Syariah. Dalam hubungan ini terdapat cadangan untuk membolehkan dua rayuan berlaku di Mahkamah Syariah. Negeri Perak telah mengambil tindakan dengan mengadakan Mahkamah Utama Syariah. Jika kita ambil contoh rayuan terakhir di Mahkamah Sivil sebelum ditubuhkan Mahkamah Agong, sekarang Mahkamah Persekutuan,

---

<sup>48</sup> Sulaiman Daud, 'Penyelarasan Undang-undang Berhubung dengan Peguam Syarie,' dalam *Kompilasi Kertas Kerja Persidangan Penyelarasan Undang-undang Syarak dan Sivil*, vol. 2 (Putrajaya: JAKIM, 2013), 85-86 & 93.

rayuan boleh di buat ke Privy Council.<sup>49</sup> Ini adalah satu contoh yang boleh difikirkan dan dibuat kajian mendalam. Cara begini boleh mengelakkan penubuhan Mahkamah Utama Syariah atau Majlis Rayuan Syariah di setiap negeri. Mungkin sebelum dilaksanakan perlulah disembahkan kepada Majlis Raja-raja Melayu bagi mendapatkan perkenan baginda.

Isu kebebasan Mahkamah Syariah juga ada dibangkitkan oleh Allahyarham Profesor Ahmad Mohamed Ibrahim dan dalam kes Indera Ghandi ada ditimbulkan isu kedudukan dan taraf Mahkamah Syariah dan dipandang sebagai mahkamah inferior. Dalam satu perakuan oleh sebuah jawatan kuasa dicadangkan peruntukan dibuat dalam Perlembagaan Negeri bagi penubuhan Mahkamah Syariah serta mewujudkan Perkhidmatan Gunasama Pegawai-pegawai Syariah. Walau bagaimanapun, Perkhidmatan Gunasama itu tidak mendapat direalisasikan sepenuhnya kerana masih banyak negeri yang masih belum menyertainya.

Sepertimana yang ditegaskan oleh Allahyarham Profesor Ahmad Mohamed Ibrahim bahawa tujuan Perkara 121(1A) adalah untuk mengelakkan percanggahan antara keputusan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Tinggi. Seterusnya beliau menyatakan terdapat banyak perkara dimana konflik boleh timbul. Menurut mantan Ketua Hakim Negara Tun Abdul Hamid Mohamad, anggapan bahawa pindaan itu telah menyelesaikan semua masalah percanggahan bidang kuasa antara dua mahkamah itu. Sebenarnya anggapan itu tidak betul. Cabaran ini masih perlu ditangani dengan bijaksana.

Mutakhir ini timbul pula isu Mahkamah elektronik. Ini adalah akibat kesan pandemik covid-19 yang menghadkan pergerakan. Difahamkan ada dua isu dalam perkara mahkamah elektronik. Pertama dari aspek pentadbiran. Sebenarnya Mahkamah di benarkan mengurus pentadbiran mahkamah secara elektronik, bahkan telah pun dipraktiskan seperti e-Syariah. Isu kedua adalah menyentuh perbicaraan. Isu ini perlu dihuraikan oleh mereka yang berwibawa dengan mengadakan perbicaraan atau seumpamanya. Satu forum mengenainya telah pun diadakan baru-baru ini. Beberapa pandangan telah dibincangkan dan mungkin boleh dijadikan panduan.

Perkara yang menjadi isu sekarang adalah pindaan Akta 355. Satu Bill persendirian telah dibawa ke Parlimen oleh seorang wakil rakyat dan perkara tersebut telah ditangani oleh kerajaan. Tujuan pindaan pindaan RUU 355, iaitu untuk meningkatkan lagi kuasa Mahkamah Syariah menjatuhkan hukuman. Pada masa sekarang Mahkamah Syariah tertakluk kepada Akta Mahkamah

---

<sup>49</sup> Abdul Monir Yaacob, *An Introduction to Malaysian Law* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989), 156-157.

Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 yang telah dipinda pada tahun 1984. Untuk meminda Akta 355 yaang Pertama pada tahun 1965 itu memakan masa lebih duapuluh tahun. Pindaan pertama adalah pada tahun 1984 dan sampai sekarang tahun 2021 masih belum berjaya untuk membuat pindaan.<sup>50</sup> Menteri di Jabatan Perdana Menteri melahirkan hasratnya untuk tetap akan membawa perkara tersebut ke Parlimen. Dengan keadaan negara yang sedang mengalami pandemik covid-19, nampaknya masa yang lebih panjang diperlukan untuk merealisasikan. Buat ketika ini perkara tersebut masih dalam perbincangan pihak Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil Kebangsaan. Sudah pasti masyarakat menunggu apakah yang akan dibentangkan nanti.

Perbincangan mengenai Mahkamah Syariah ini boleh diakhiri dengan mengambil petikan dari saranan Allhyarham Profesor Ahmad Mohamed Ibrahim yang menyebut bahawa tugas hakim Mahkamah Syariah dan pegawainya ialah sangat berat oleh kerana mereka harus berusaha menunjukkan bahawa undang-undang Islam bukan sahaja undang-undang yang terbaik di dalam teorinya akan tetapi juga yang terbaik di dalam kesan dan amalannya. Sayangnya Mahkamah Syariah telah dipandang rendah bukan sahaja oleh orang-orang bukan Islam akan tetapi oleh orang-orang Islam sendiri. Terpulanglah kepada kita semua, khususnya hakim dan pegawai Mahkamah Syariah, membuktikan apa yang sering dikata itu tidak betul dan keadilan yang diberi di Mahkamah Syariah adalah yang terbaik, kerana ia berpandukan kepada ajaran yang diberi oleh Allah SWT.<sup>51</sup>

## **RUJUKAN**

Abdul Hamid Mohamad, 'Artikel 121(1A): Sejauh Manakah Ianya Menyelesaikan Konflik Bidang Kuasa Antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil,' dalam *Artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan*, ed. Abdul Monir Yaacob & Nurul 'Uyun Hj Zainal (Cyberjaya: Universiti Islam Malaysia, 2017), 91-100.

Abdul Monir Yaacob, *An Introduction to Malaysian Law* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989).

Abdul Monir Yaacob, *An Introduction to Malaysian Law* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989).

---

<sup>50</sup> Perbincangan lanjut, lihat Abdul Monir Yaacob, 'Kesan Pindaan RUU 355,' dalam *Artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan*, ed. Abdul Monir Yaacob & Nurul 'Uyun Hj Zainal (Cyberjaya: Universiti Islam Malaysia, 2017), 156-165.

<sup>51</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim, *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit IKIM, 1997), 156.



- Abdul Monir Yaacob, *Islam dan Kebebasan Beragama Menurut Perlembagaan Persekutuan* (Kuala Lumpur: Yayasan Ilmuan, 2012).
- Abdul Monir Yaacob, *Kehakiman Islam dan Mahkamah Syariah* (Cyberjaya: UIM, 2015).
- Abdul Monir Yaacob, *Perkembangan Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia* (Cyberjaya: UIM, 2016).
- Abdul Monir Yaacob, 'Kesan Pindaan RUU 355,' dalam *Artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan*, ed. Abdul Monir Yaacob & Nurul 'Uyun Hj Zainal (Cyberjaya: Universiti Islam Malaysia, 2017), 153-166.
- Ahmad Mohamed Ibrahim, *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit IKIM, 1997).
- Ahmad Mohamed Ibrahim, *The Administration of Islamic Law in Malaysia* (Kuala Lumpur: IKIM, 2000).
- Ahmad Mohamed Ibrahim, *Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia* (Singapore: Malayan Law Journal, 1999).
- Ahmad Mohamed Ibrahim, 'Pindaan kepada Perlembagaan 121 Perlembagaan Persekutuan dan Kesannya kepada Pentadbiran Undang-undang Islam,' *Jurnal Hukum*, vol. 7/2 (1991): 129.
- Clifford H., 'Expedition: Terengganu and Kelantan,' *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, vol. 34/1 (1961).
- Farid Sufian Shuaib, *Power and Jurisdiction of Syariah Courts in Malaysia* (Singapore: Malayan Law Journal, 2003).
- Hickling R.H., 'The Origin of the Malay Bench,' *Malaya Law Review Legal Essays* (1975).
- Hooker M.B., *Adat Law in Modern Malaya* (Kuala Lumpur: OUP, 1976).
- Mahamad Naser Disa, 'Cadangan Untuk Meningkatkan Had Bidang Kuasa Kesalahan Jenayah Syariah,' dalam *Kompilasi Kertas Kerja Persidangan Penyelarasan Undang-undang Syarak dan Sivil*, vol. 3 (Putrajaya: JAKIM, 2014).
- Maxwell & Gibs, *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo* (London, Suffolk Lane, E. C.: Jas. Truscott, 1924).
- Mohamed Azam Mohamed Adil, *Khayalan atau Realiti?* (Kuala Lumpur: IIAS, Ilham Books, 2018).
- Moshe Yeger, *Islam and Islamic Institutions in British Malaya* (Jerusalem: The Hebrew University, 1979), 152.

- Muhammad Kamil Awang, *Sultan & Perlembagaan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001).
- Noor Aziah Mohd Awal, *Pengantar Kepada Sistem Perundangan di Malaysia* (Petaling Jaya: International Law Book Services, 2004).
- Roff W. R., *Kelantan, Religion, Society and Politics in A Malay State* (Kuala Lumpur: OUP, 1974).
- Sadka E., *The Protected Malay States* (Kuala Lumpur: UM Press, 1970).
- Sheikh Ghazali Abdul Rahman, 'Perkembangan Terkini Mahkamah Syariah di Malaysia,' dalam *Sistem Kehakiman Islam* (Kuala Lumpur: IKIM, 2001).
- Shellabear W.G., *Sejarah Melayu* (Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1981).
- Sulaiman Daud, 'Penyelarasan Undang-undang Berhubung dengan Peguam Syarie,' dalam *Kompilasi Kertas Kerja Persidangan Penyelarasan Undang-undang Syarak dan Sivil*, vol. 2 (Putrajaya: JAKIM, 2013).

### **Statut**

- Courts Enactment, 1905.
- Courts Enactment, 1914.
- Courts Ordinance, 1948
- Courts Enactment, Terengganu, 1921 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perlis, 1949.
- Enakmen Mahkamah 1911, Johor.
- Enakmen Mahkamah 1900, Perak
- Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak negeri Selangor, 1952.
- Malayan Union Ordinance 1948.
- Muhammaden Customs Ordinance, 1914.
- Perlembagaan Persekutuan.
- Sarawak, North Borneo and Brunei, Order in Council, 1951.
- Kedah Annual Report, 1909
- Terengganu Annual Report 1914-1917.